

20 OCT 2000

MAHATHIR TEMU PRESIDEN EC DAN PERDANA MENTERI LUXEMBOURG

Oleh: E.Sivabalan

SEOUL, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan rundingan berasingan dengan Presiden Suruhanjaya Eropah (EC) Romano Prodi dan Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker dalam acara sampingan sempena sidang kemuncak Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) ketiga di sini.

Dr Mahathir dan pemimpin dari Eropah itu berbincang mengenai Asem dan hubungan dua hala, menurut pegawai Kementerian Luar Malaysia.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri China Zhu Rongji pada sebelah pagi sebelum berlepas pulang ke tanahair.

Dr Mahathir tiba di sini semalam dan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dan pemimpin Asem yang lain malam ini menghadiri jamuan makan yang dihoskan oleh Presiden Korea Selatan Kim Dae-jung di sini.

-- BERNAMA

ES HS AKD